

Peradaban Wilayah Timur Laut

*Menyemarakkan Sejarah, Kebudayaan dan Persuratan
dalam Peradaban Wilayah Timur Laut*

Pengedangannya

**A. AZIZ DERAMAN
SHARRUL RIZAL HASHIM
MUHAMAD IKHRAM FADHLY HUSSIN**



Cetakan Pertama 2020
Hak cipta © Pertubuhan Peradaban Melayu Malaysia Kelantan (PERADABAN)

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penulis atau Presiden Pertubuhan Peradaban Melayu Malaysia Kelantan (PERADABAN). Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Peradaban Wilayah Timur Laut : Menyemarakkan Sejarah, Kebudayaan dan

Persuratan dalam Peradaban Wilayah Timur Laut / Penyelenggara:

A. AZIZ DERAMAN, SHARRUL RIZAL HASHIM, MUHAMAD IKHRAM
FADHLY HUSSIN.

ISBN 978-967-2913-02-3

1. Malays (Asian people)--Civilization.
2. Malays (Asian people)--Social life and customs.
3. Civilization.

I. A. Aziz Deraman. II. Sharrul Rizal Hashim.

III. Muhamad Ikhram Fadhly Hussin.

909.049923

Penyelenggara:

A. AZIZ DERAMAN,
SHARRUL RIZAL HASHIM,
MUHAMAD IKHRAM FADHLY HUSSIN

Editor:

SHARRUL RIZAL HASHIM

Pereka bentuk kulit:

EIZZNAN

Susun Atur:

HAZWANI UBAIDILLAH

Penerbit:



Pertubuhan Peradaban Melayu Malaysia Kelantan (PERADABAN)

d/a : Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur,

Lot PT-107-109, Jalan Abdul Kadir Adabi,

15200 Kota Bharu,

Kelantan Darul Naim.

Tel : 012-4931700 Faks : 09-7475252

E-mel : peradabankelantan@yahoo.com.my

KANDUNGAN

1	Perspektif Tuan Guru Haji Daud Bukit Abal Mengenai Konsep Zikir Dalam Ibadat Hasbullah bin Deraman, Mat Noor bin Mat Zain	1
2	Angin Timur Laut dan The Old Man And The Sea: Satu Perbandingan Roslan Chin, Tuan Rosmawati Raja Hassan	10
3	Kehadiran Konflik Dalam Teks Syair Siti Zubaidah Perang China Sudirman bin Kiffli	18
4	Ratu-ratu Pelangi Dalam Puisi – <i>Srikandiku Ratu-ratu Pelangi</i> : Satu Pendekatan Feminisme Sohaimi Abdul Aziz	29
5	Migrasi Ekonomi Orang Melayu Islam Patani (OMIP) di Malaysia: Tinjauan Awal ke atas Warung dan Restoran Tomyam di Pulau Pinang Aizat Khairi	38
6	Pemuliharaan Genting Singgora: Kajian Kes Projek Pemuliharaan Masjid Lama Kedai Mulong, Kelantan Sahrudin Mohamed Som, Ayub bin Awang, Izati Nabila binti Marzuki	49
7	Peranan Institusi Pondok Sebagai Pusat Pelancongan Ilmu Di Kelantan: Satu Tinjauan Awal Ahmad Dzulfahmi Muhamad	60
8	Pengaruh Dan Keunikan Rekabentuk Fasad Rumah Kedai Lama di Kota Bharu, Kelantan Farah Atikah binti Saari	64
9	Peran Ulama Pada Kesultanan Melayu Sumatra Timur dalam Membangun Kearifan Bermasyarakat dan Bernegara Shafwan Hadi Umry, Hardi Mulyono	72
10	Dialek Melayu Kelantan-Dialek Melayu Patani: Beberapa Aspek Sosiolinguistik Rozita Che Rodi, Nik Safiah Karim	83
11	Menyemarakkan Sejarah, Kebudayaan Dan Persuratan Dalam Peradaban Timur Laut: Ketahanan dan Keterampilan Dalam Dunia Sastera Adziah Abdul Aziz	89

)
ilustrasi, dan isi
elektronik, fotokopi,
siden Pertubuhan
penerimaan royalti atau

an

PENGARUH DAN KEUNIKAN REKABENTUK FASAD RUMAH KEDAI LAMA DI KOTA BHARU, KELANTAN

Farrah Arikah Saari, Mohamad Rusdi Mohd Nasir, Wan Saiful Nizam Wan Mohamad, Tengku Fauzan Tengku Anuar, Nasir Bin Abdillah

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan

ABSTRAK

Kota Bharu merupakan bandar yang masih mengekalkan pemeliharaan rumah kedai lama yang dibangunkan hasil daripada kreativiti, intelektual dan kebolehan pertukangan pada zaman sebelum merdeka lagi. Namun kini, terdapat beberapa inisiatif perlu dilihat seperti pengabaian, pembangunan baru yang tidak selari dengan imej bandar warisan serta kesedaran masyarakat pemeliharaan yang masih kurang. Jadi kajian perlu dilaksanakan bagi mengetahui sejarah pembinaan rumah kedai lama dan mengkaji ciri-ciri serta pengaruh senibina fasad bangunan rumah kedai tersebut. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah temubual, pemerhatian dan analisis dokumen berkaitan. Pengkaji mendapati bahawa sejarah pembinaan rumah kedai lama yang pesat bermula pada tahun 1910 selepas Siam menyebarkan Kota Bharu kepada Kerajaan Inggeris. Sisi itu, terdapat beberapa ciri-ciri dan pengaruh rekabentuk senibina rumah kedai lama di Kota Bharu seperti pengaruh Melayu Cina dan Inggeris. Pelbagai pengaruh senibina yang wujud disebabkan transformasi budaya yang mempengaruhi fasad rumah kedai tersebut. Oleh itu, antara cadangan bagi memelihara keunikan rekabentuk fasad rumah kedai lama ialah dengan mengekalkan keaslian fasad rumah kedai lama di sekitar bandar Kota Bharu, meningkatkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap garis panduan pemeliharaan bangunan, mewujudkan bandar bergazet (waria) warisan, pengkalan dan menara di kawasan zon budaya, Kota Bharu serta pengubahsuaian fasad bangunan secara minimum.

Kata Kunci: pengaruh, keunikan, senibina, rekabentuk, fasad, rumah kedai

PENGANTARAN

Warisan secara umumnya diklasifikasikan sebagai sesuatu perkara bernilai yang diwariskan daripada generasi ke generasi (ICOMOS, 1987). Kepelbagaian warisan yang terdapat di Kelantan merangkumi aspek kepelbagaian seni bina seperti rumah kedai lama yang terdapat di sekitar bandar Kota Bharu. Rumah kedai merupakan antara seni bina unik yang terdapat di Asia Tenggara terutama di Malaysia dan Singapura sejak dari abad ke-17 hingga awal abad ke-20. Keunikan rekabentuk rumah kedai tersebut berikutan pengaruh tempatan dan kolonial yang sesuai dengan iklim tropika. Menurut A. Ghafar Ahmad (1994) dalam kajiannya yang bertajuk "Pemeliharaan bandar warisan untuk pembangunan", beliau mencadangkan mengenai pengkalan bandar warisan daripada sebarang aktiviti kemusnahan dan kerosakan tidak kiralah secara semulajadi mahupun melalui Eka persekitaran.

Selain itu, sepertimana yang telah dinyatakan oleh Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi (2008) ia bina mengambarkan sejarah mengenai sesebuah tamadun. Maka itulah kita puliharnya bagi tatapan generasi masa hadapan agar mereka lebih menghargai warisan negara termasuklah bangunan. Keistimewaan Rumah Kedai Lama telah memperlitharkan gaya Rumah Kedai yang bercirikan rekaan *Hybrid* dengan penggabungan seni bina

dan pada gaya yang mempertahankan kemodenan meskipun kedua-dua gaya sangat popular pada awal 2000-an. Maka kerana itu reka bentuk fasad bangunan yang diperkenalkan mampu diintegrasikan mengikut identiti setempat. Hal ini juga berlaku keatas rumah kedai lama di Kota Bharu yang jelas dapat dilihat pengaruh seni bina keunikan rekabentuk fasadnya

OBJEKTIF KAJIAN DAN KAEDAH KAJIAN

Kajian yang dilaksanakan adalah untuk mengetahui sejarah pembinaan rumah kedai lama dan ciri-ciri pengaruh senibina fasad rumah kedai lama di Kota Bharu. Bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji telah memilih untuk melaksanakan kaedah kualitatif. Bagi mengetahui sejarah pembinaan rumah kedai lama di Kota Bharu, pengkaji telah menjalankan kaedah temubual. Responden yang ditemubual ialah pegawai MPK dan masyarakat setempat. Manakala bagi mengetahui ciri-ciri dan pengaruh fasad rumah kedai lama pulas, pengkaji telah membuat pemerhatian pada struktur fasad bangunan rumah kedai lama yang telah dikumpulkan.

SEJARAH DAN PENGARUH RUMAH KEDAI LAMA DI KOTA BHARU KELANTAN

Kajian yang telah dilaksanakan pada bangunan rumah kedai lama di Kota Bharu telah mendapati bahawa rumah kedai lama di kawasan ini telah wujud seawal Tahun 1913. Kebanyakan rumah kedai ini masih mengekalkan seni bina asal pada bahagian fasad namun terdapat juga rumah kedai yang telah diubahsua menjadi bangunan baru kerana faktor pemodenan. Rajah 1 menunjukkan Bangunan warisan yang terdapat di Bandar Kota Bharu.




Rajah 1: Bangunan Warisan di Bandar Kota Bharu, Kelantan
(Sumber: Majlis Perbandaran Kota Bharu, 2005)

adalah sebagai tempat tinggal dan ruang perniagaan. Sekiranya fungsi ini ditukar kepada tempat komersial sudah pastinya akan menjiskan reka bentuk bangunan rumah kedai yang asal. Maka tidak hairanlah segelintir masyarakat tidak mengenali bagaimana rekabentuk asal Rumah Kedai Lama dan yang lebih menyedihkan adalah mereka tidak mengetahui fungsi asal Rumah Kedai Lama yang harus dilindungi.

Jadi, pentingnya pemeliharaan terhadap warisan seni bina rumah kedai lama kerana ciri-ciri ia bentuk yang unik dan nilai seni bina yang tinggi. Di samping itu, fabrik rumah kedai yang mempunyai nilai arkeologi dan fungsi tersendiri merupakan satu artifak yang bernilai (Robiah, Ahmad Sharim dan A.Ghazali, 2007). Begitu juga menurut Norasikin (2005), nilai seni bina, sejarah dan budaya yang terdapat pada bangunan dan persekitaran bandar merupakan aset negara yang paling berharga. Oleh itu, perhatian memelihara rumah kedai lama di Kota Bharu agar bandar ini tidak kehilangan nilai-nilai sejarah dan keunikan seni binanya.

Selain itu, Rumah Kedai Lama juga merupakan satu seni bina bangunan bersejarah yang dibina oleh masyarakat sejak dari zaman penjajahan lagi untuk kegiatan sosia-budaya. Perubahan masa telah memperlihatkan gaya seni bina moden yang wujud pada bangunan sekarang. Kebanyakan bangunan Rumah Kedai Lama lebih berbentuk minimal manakala dengan kewujudan rekabentuk yang baru pula telah mengikut perubahan budaya setempat. Antara pengaruh dan keunikan senibina rumah kedai lama di Kota Bharu adalah seperti berikut:

i. Early Straits Eclectic Style (tahun 1890-an hingga tahun 1910-an)



Rajah 2: Rumah Kedai Lama ini dibina pada tahun 1913 di Jalan Pasar Lama

peredaran klasik. Bumbung jenis *terracotta* telah digunakan untuk menghalang air dan api serta sesuai di Malaysia. Pendatang dari negara Eropah yang datang ke Tanah Melayu membawa reka bentuk dan dapat dilihat pada reka bentuk tingkap serta tiang rumah kedai gaya ini seperti dalam rajah 2. Sempunan pengaruh adalah pengaruh Cina yang boleh dilihat pada pintu kayu berukir, ruang pengaluan udara dan *gable end*. Unsur gaya eropah juga dapat dilihat menerusi tingkap panjang yang corak geometri berwarna pada lantai tanah liat dan bahan binaan tradisional yang diperkenalkan dan ini ialah jubin lantai tanah liat.

ii. Late Straits Style (tahun 1910-an hingga tahun 1930-an)




Rajah 3: Rumah Kedai dibina pada tahun 1927 di Jalan Hilir Pasar

Gaya Rumah Kedai *Late Straits Eclectic Style* merupakan rumah kedai yang mempunyai faedah sangat rumit. Unsur-unsur *Neo Klasik* seperti daun *Acanthus*, *Doric* dan *Corinthian Pilasters* banyak di pada rumah kedai. Pintu ukiran kayu tradisional Cina menjadi satu butiran klasik. Pengaruh Cina adalah seperti pintu kayu berukir, ruang pengudaraan, laluan udara dan *gable end*. Zaman *Late Straits Style* yang wujud sepanjang tahun 1910-an hingga 1930-an dapat dilihat melalui penggunaan seperti penggunaan warna digunakan pada bangunan lama ini. Rumah kedai jenis ini juga disusut terinspirasi dari segi butiran, warna dan corak yang berbeza-beda.

ialah tingkap yang panjang, struktur bumbung, dinding berplaster, jubin lantai corak geometri dan binaan tradisional yang diperkenalkan adalah jubin seramik.

iii. Art Deco Style (tahun 1930-an hingga tahun 1960-an)



Rajah 4: Rumah Kedai dibina pada tahun 1952 di Jalan Temenggung

Rumah Kedai gaya *Art Deco* telah wujud pada tahun 1930 dan bermulalah gaya ini terkenal di pembinaan di Tanah Melayu. Kemelesetan ekonomi yang berlaku pada tahun 1931 hingga tahun 1932 menjadikan gaya ini lebih menonjol berbanding gaya-gaya di era sebelumnya. Rumah Kedai berbentuk *Deco Style* seperti dalam rajah 4 ini mengekalkan susunan simetri yang lebih menarik di bahagian luar. Seperti kemunculan gaya *Art Deco*, kebanyakan rumah kedai sudah tidak mempraktikkan gaya masa lalu yang bercirikan gaya tradisional. Kegunaan warna juga menjadi lebih halus dan menarik berbanding dengan gaya Rumah Kedai Lama era terdahulu. Pengaruh eropah dapat dilihat menerusi fasadnya yang mempunyai garisan menegak dan melintang. Selain itu, penggunaan *plaster* pada dinding dan ubi kaca yang berangka logam turut digunakan serta diperkenalkan bahan binaan tradisional seperti bumbung *mersellie terracotta*, *reinforced concrete*, logam dan kaca.

iv. Early Modern Style (tahun 1950-an hingga tahun 1970-an)



Rajah 5: Rumah Kedai Lama yang dibina pada tahun 1953 Jalan Temenggung

Pertembangan seni barat berlaku pada akhir abad ke-19 hingga kemuncaknya pada tahun hingga 1930-an. Dengan perluasan kuasa British selepas Perang Dunia II, sekatan terhadap ketinggian kedai telah dilakukakan. Rumah kedai hanya boleh memiliki 4 hingga 5 tingkat sahaja. *Early Modern* merupakan gaya rumah kedai yang terakhir yang aktif dibina. Meskipun rekabentuk Rumah Kedai ke hadapan dari segi pertukangan akan tetapi pengaruh Melayu tidak diabaikan dan disesuaikan ini menyebabkan Rumah Kedai Lama kian dilupakan dan dibiarakan usang. Melalui fasad rumah kedai kelihatan reka bentuk yang sesuai berdasarkan ketersediaan bahan bangunan dan struktur bangu dipacu oleh teknologi dan kejuruteraan seperti rumah kedai dalam rajah 5. Bahan binaan tradisional: jubin bumbung *mersellie terracotta*, *reinforced concrete*, logam dan kaca turut diperkenalkan pada bina rumah kedai ini.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Struktur seni bina bangunan Rumah Kedai Lama merupakan salah satu pelan asas dalam membentuk operasi sebuah pembangunan sekali gus menghasilkan peluang untuk memberi nafas baru pada struktur bangunan Rumah Kedai Lama yang kelihatan usang dan tidak terjaga. Kepelembagaan gaya seni bina pada fasad sebuah bangunan Rumah Kedai Lama mampu melambangkan identiti etnik masyarakat setempat. Setiap bangunan Rumah Kedai Lama memiliki keunikan struktur seni binaannya yang tersendiri bergantung kepada pertukangannya yang tidak semestinya dibina oleh masyarakat tempatan. Gaya pertukangan merupakan satu aspek penting dalam menentukan struktur tingkap, pintu, tiang mahupun jenis atap yang diterapkan pada Rumah Kedai Lama. Sebagai contoh seperti di Kota Bharu yang merupakan salah satu bandar yang kaya dengan bangunan warisan yang tidak ternilai harganya.

Menurut Wan Ismail dan Shamsuddin (2005), kekurangan kawalan oleh Kerajaan Tempatan telah menyebabkan kebanyakan Rumah Kedai Lama di Kota Bharu, Kelantan yang berada di kawasan pemuliharaan dirubohkan pada tahun 2001 bagi membolehkan bangunan baru dibina di kawasan itu atau gus mengakibatkan negara kehilangan bangunan warisan yang sepatutnya dilindungi. Ekoran kehilangan bangunan warisan ini, *Heritage of Malaysia Trust* ada menyatakan bahawa terdapat cadangan Rang Undang-undang Warisan yang khusus bagi warisan ketara dan tidak ketara. Seperti yang telah diutarakan oleh Ismail (2011), bentuk bangunan akan berubah secara fizikal akibat perubahan cuaca dan mungkin faktor pemusnahan masa yang mampu mempengaruhi gaya hidup penghuninya. Oleh kerana itu, bangunan yang mengalami kerosakan petuliah diselenggara secara berterusan dan bukanlah dibiarkan usang tidak terjaga.

Menurut A. Ghafar Ahmad (2009), sebahagian besar daripada bangunan warisan berada dalam keadaan yang usang disebabkan oleh faktor kerosakan bangunan. Kemerosotan pada struktur bangunan ini lebih membimbangkan apabila pemilik Rumah Kedai Lama sendiri bertindak merobohkan bangunan lama atas alasan desakan pembangunan baru yang dikatakan lebih membawa keuntungan sebagai bangunan baru tidak memiliki nilai warisan sepertimana yang wujud pada bangunan Rumah Kedai Lama. Secara umumnya, kesedaran terhadap kepentingan nilai warisan bagi pemuliharaan Rumah Kedai Lama di Kota Bharu, Kelantan merupakan tanggungjawab yang harus dipikul oleh setiap individu dalam masyarakat dan bukannya dibebankan kepada pihak kerajaan sahaja.

Selain itu, Rumah Kedai Lama merupakan satu warisan yang memiliki nilai sejarahnya yang tersendiri termasuklah dari aspek kebudayaan dan kemajuan ketamadunan pada waktu bangunan warisan dibina. Kebanyakan bangunan warisan di Kota Bharu khususnya dibina oleh penjajah seperti British. Senibina bangunan yang dibina dipercayai menerima pengaruh kebudayaan dari negara mereka sebagai menjadikan gaya seni bina bangunan yang lebih unik dan kelihatan estetik dibandingkan dengan bangunan yang baru dibina. Rumah Kedai Lama sewajarnya dikekalkan untuk tarapan generasi akan datang dengan pelaksanaan kaedah pemuliharaan yang mengikut prinsip konservasi yang telah ditetapkan dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005, (Jabatan Warisan Negara. (2012), Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan.

Pemuliharaan sebuah bangunan warisan amat penting untuk mengekalkan bentuk asal bangunan dan secara tidak langsung dapat memberi satu ilmu baru mengenai pembangunan dan teknologi kejuruteraan. Selain itu, kajian dan pemuliharaan masa hadapan dan jenis bahan binaan yang digunakan juga

nilai warisan Rumah Kedai Lama ini juga berupaya membantu golongan pelajar dan pendidik menimba satu pengetahuan baru mengenai pemuliharaan Rumah Kedai Lama yang dilihat usang tetapi dengan nilai warisan.

RUJUKAN

- A. Ghafar Ahmad (1994). Pengenalan kepada bangunan dan monumen lama di Malaysia. Bengkel Menangani Masalah Pemuliharaan Bangunan Lama di Malaysia, 19-22 hb. Disember 1994, Perak. Kota Ngah Ibrahim, Taiping.
- A. Ghafar Ahmad (1994). Pengenalan Kepada Bangunan Dan Monumen Lama Di Malaysia. Kertas Kerja Yang Dibentangkan Di Bengkel Menangani Masalah Pemuliharaan Bangunan Lama di Kota Ngah Ibrahim, Perak, Malaysia.
- A. Ghafar Ahmad. (1997). *British Colonial Architecture In Malaysia: 1800-1930*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- A. Ghafar Ahmad (2006). *Rangka kerja pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia*. Bengkel Konservasi Monumen dan Tapak Tanah Bersejarah, 27-29 hb. November 2006, Melaka. Kerajaan Negeri Melaka dengan kerjasama Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), Melaka.
- A. Ghafar Ahmad (2009). *Treatment of rising damp and replastering at heritage buildings*. Bengkel Bersiri 2009 Konservasi Bangunan Warisan Siri 2: Lapan Kapur, 17-19 hb. Julai 2009, Perak. Dewan Pelancongan Negeri Perak, Ipoh.
- Boake, J. (2011). *Building Adaptation and Conservation*, University of Westminster Open Resources For Built Environment Education Retrieved November 21, 2013 from: [http://www.orbec.org/images/5cc-resource-files/International_Council_on_Monument_and_Site_\(ICOMOS\)_conservation_of_historic_towns_and_urban_areas._ICOMOS_International_Secretariat,_Paris](http://www.orbec.org/images/5cc-resource-files/International_Council_on_Monument_and_Site_(ICOMOS)_conservation_of_historic_towns_and_urban_areas._ICOMOS_International_Secretariat,_Paris).
- Kera, R. (2007). *Kajian Fasad Bangunan Rumah Kedai di Bandar Kangar Sebagai Satu Pendekatan Pemuliharaan Bangunan*, Retrieved March 23, 2014 from [http://www.polimas.edu.my/web4/images/inovasi/pg%2069%20Ruslinda%20\(fasad%20bangunan\).pdf](http://www.polimas.edu.my/web4/images/inovasi/pg%2069%20Ruslinda%20(fasad%20bangunan).pdf)
- Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi. (2008). *Senibina : Sejarah, teori, dan Kretikan*. *Universiti Teknologi Malaysia*.
- Morabin HJ Hassan. (2005). *Faktor Penyumbang Dalam Pembentukan dan Konservasi Identiti Jalan Kota, Pandar Warisan*. Universiti Putra Malaysia.
- Abdus Warisan Negara. (2012). *Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan*.
- Rasid, Abdul Rashid, Ahmad Sharim Abdullah dan A. Ghafar Ahmad. (2013). *Kajian Terhadap Amalan Semasa Penyelenggaraan Bangunan Warisan di Malaysia*.
- Wan Ismail, W.H. & Shamsuddin, S., (2005), *The Old Shophouses As Part of Malaysian Urban Heritage: The Current Dilemma*, 8th International Conference of The Asian Planning Schools Association 11 September 2005